

17 DEC 1999

Cuepacs-Telus

CUEPACS MAHU PEGAWAI KERAJAAN TURUT TELUS

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mahu semua pihak terutamanya kakitangan kerajaan melaksanakan konsep prihatin dan sanggup mendengar pandangan rakyat.

Presidennya, N. Siva Subramaniam berkata pandangan rakyat penting dan beliau yakin jika konsep itu diamalkan di semua peringkat, ia dapat membantu rakyat mengatasi masalah yang mereka hadapi.

"Kita tak mahu menteri hanya mendengar maklum balas daripada pegawai-pegawainya sahaja, tetapi mereka tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata demikian sebagai menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyarankan semua anggota Kabinet menjalankan tanggungjawab dan merapatkan diri dengan masyarakat.

"Pada masa ini, walaupun kita tak ada masalah menghubungi seseorang menteri berkaitan sesuatu perkara, tetapi rakyat jelata harus diberi peluang yang sama untuk menghubungi pegawai kerajaan," kata Siva Subramaniam.

Mengenai isu harga barangan, Siva Subramaniam berkata Cuepacs akan menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) untuk mengatasi masalah kenaikan harga terutama pada musim perayaan.

"Kita harus merasa bangga kerana kerajaan dapat menstabilkan harga barangan dan ini menjadi faktor utama mengapa rakyat dapat hidup bahagia," katanya.

Bagaimanapun, katanya kebelakangan ini terutamanya pada musim perayaan peniaga cuba menaikkan harga barangan dan perbuatan mereka harus dibendung demi kebaikan rakyat.

Mengenai isu perumahan pula, Siva Subramaniam berkata Cuepacs mencadangkan supaya kakitangan kerajaan dibenarkan hanya membeli rumah yang sudah siap bagi mengelak mereka ditipu dengan masalah projek terbengkalai.

"Kementerian Perumahan perlu mengambil satu tindakan tegas ke atas pemaju yang gagal mematuhi perjanjian," katanya.

Katanya, kementerian harus memastikan pemaju tidak mengambil kesempatan daripada langkah kerajaan melonggarkan syarat pembelian rumah di kalangan kakitangan kerajaan.

--BERNAMA

ARA RI